

**SOALAN NO. 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN ISMAIL [  
KUALA KEDAH ]

**TARIKH :** 7 NOVEMBER 2016

**SOALAN :**

**YB Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan peranan Malaysia sebagai orang tengah untuk membantu mencari perdamaian di Selatan Filipina khususnya setelah Filipina mempunyai Presiden baru.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan Malaysia sebagai Fasilitator proses damai Selatan Filipina terus kekal di bawah pentadbiran Presiden Rodrigo Duterte. Peranan Malaysia sebagai peneraju utama Tim Pemantau Antarabangsa (International Monitoring Team – IMT) di Mindanao juga terus kekal untuk memantau gencatan senjata di antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembelaan Islam Moro (Moro Islamic Liberation Front – MILF).

Peranan Malaysia sebagai Fasilitator diperkuuhkan pada 13 Ogos 2016, apabila kerajaan baru Filipina dan Barisan Pembelaan Islam Moro (Moro Islamic Liberation Front – MILF) dengan rasminya menyambung semula proses rundingan. Acara penyambungan itu dibuat di Kuala Lumpur apabila kedua-dua pihak memperkenalkan panel rundingan damai yang baru yang kini dikenali dengan nama Panel Perlaksanaan Rundingan Damai (Peace Implementation Panel) dan disusuli dengan mesyuarat pertamanya pada 13 dan 14 Ogos 2016.

YAB Perdana Menteri komited untuk menjayakan proses damai Selatan Filipina walaupun berlaku perubahan pemerintahan di Filipina. Pada bulan Februari 2016, iaitu sebelum pertukaran pemerintah berlaku di Filipina, YAB Perdana Menteri telah menyatakan kesediaan Malaysia berkerjasama dan membantu pemerintah baru Filipina mewujudkan kedamaian di selatan

Filipina. Penghantaran pasukan IMT yang baru ke Mindanao pada bulan Mac 2016 membuktikan lagi komitmen YAB Perdana Menteri.

Proses damai selatan Filipina adalah penting kepada Malaysia. Proses tersebut bukan sahaja akan mewujudkan kedamaian di selatan Filipina tetapi juga kepada rantau Asia Tenggara. Kedamaian di selatan Filipina kini menjadi lebih penting berikutan peningkatan ancaman kumpulan militan Daesh. YAB Perdana Menteri juga mahu melihat proses tersebut digunakan sebagai model untuk menamatkan konflik di negara lain di dunia.

YAB Perdana Menteri yakin kerajaan Filipina dan MILF juga akan terus komited dalam mencari keamanan yang adil dan berkekalan di selatan Filipina dan menegaskan proses damai adalah pilihan yang praktikal bagi kedua-dua pihak untuk menyelesaikan isu Bangsamoro.

Sekian, terima kasih.